

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22/02/2008

PM bentang kad prestasi pembangunan

UM - 22/2/2008

PUTRAJAYA 21 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan membentangkan kad laporan prestasi pembangunan negara sepanjang empat tahun lalu bagi menunaikan tanggungjawab kepada rakyat negara ini.

Sebagai Perdana Menteri yang wujud hasil sokongan rakyat, katanya, beliau bertanggungjawab untuk menyatakan kejayaan dan kemajuan yang dicapai di bawah kerajaan yang telah dipilih pada Pilihan Raya Umum Ke-11 lalu.

“Ahli Parlimen sudah memberikan kad laporan kepada saya dan saya sebagai Perdana Menteri sebuah kerajaan yang diwujudkan dengan sokongan dan kehendak rakyat bertanggungjawab memberi kad laporan tentang kemajuan yang dicapai oleh negara dari 2004 hingga 2007,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Setiakawan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Bersama Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di

sini hari ini.

Abdullah berkata, antara kejayaan yang telah dicapai adalah peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 18 peratus dari RM427 bilion pada 2004 kepada RM504 bilion tahun lalu.

Katanya, peningkatan KDNK itu melibatkan semua sektor termasuk pertanian moden, bioteknologi dan perbankan Islam.

Beliau menambah, satu lagi kejayaan adalah peningkatan kadar kemasukan pelancong ke dalam negara yang mencatat jumlah paling tinggi tahun lalu iaitu seramai 21 juta pelancong.

Menurutnya lagi, perdagangan antara-bangsa negara pula meningkat 26 peratus dari RM881 bilion pada 2004 kepada RM1.113 trilion tahun lalu.

“Pendapatan isi rumah juga meningkat kepada RM3,617 tahun lalu berbanding RM3,249 empat tahun lalu. Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM43.4 bilion dalam bentuk subsidi bagi mengesalkan harga barang keperluan asas,” kata

beliau.

Perdana Menteri menambah, program transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berjaya meningkatkan keuntungan serta memberi pulangan lebih tinggi kepada pemenang saham amanah.

Kata beliau, lebih 204,000 industri kecil dan sederhana (IKS) telah dibangunkan sejak 2005 melibatkan pemberian pinjaman berjumlah RM107 bilion.

Selain itu, ujarnya, kerajaan juga sedang melaksanakan lima pelan koridor ekonomi untuk menjana ekonomi dan membawa pertumbuhan ke seluruh pelosok negara.

Abdullah berkata, prestasi ekonomi juga menunjukkan kemajuan dengan Indeks Komposit Bursa Malaysia meningkat sebanyak 161 peratus nilai permodalan pasaran daripada RM460 bilion pada 2003 kepada RM1.2 trilion tahun lalu.

“Defisit fiskal dikurangkan daripada lima peratus KDNK pada 2003 kepada 3.2 peratus KDNK tahun lalu.

“Simpanan mata wang asing meningkat 120 peratus dari ASD4 bilion kepada ASD101 bilion. Penarafan Malaysia dalam indeks daya saing global juga meningkat dari tangga 25 ke tangga 21,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, contoh-contoh kejayaan lain akan diumumkan satu persatu kelak supaya rakyat sedar mengenai kejayaan negara.

Beliau menambah, kejayaan-kejayaan yang dicapai itu merupakan nilai tambah kepada kejayaan yang telah diwarisi sebelum ini.

Pada majlis itu, Abdullah turut memberikan komitmen untuk melaksanakan pelbagai langkah tambah nilai bagi melahirkan lebih ramai masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Katanya, usaha menambah nilai kumpulan berkenaan tidak memerlukan permohonan kerana ia sudah menjadi tanggungjawab kepadanya untuk berbuat demikian.